

Petunjuk Prestasi SHO

Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) diwujudkan oleh AKKP bagi maksud menjamin pematuhan wajar di tempat kerja akan peruntukan Akta dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan penggalakan penjalanan selamat kerja di tempat kerja (Seksyen 29, AKKP). Bagi mencapai maksud kewujudan ini, SHO mempunyai kewajipan-kewajipan khusus di sisi undang-undang (Peraturan 18, Peraturan SHO). **Petunjuk prestasi ini disediakan oleh JKKP sebagai panduan kepada SHO dalam menjalankan kewajipan undang-undang dan melaksanakan perubahan-perubahan positif terhadap amalan dan suasana kerja berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di tapak pembinaan.**

Nama dan No. Pendaftaran SHO:

Alamat Tempat Kerja:

Bulan / Tahun: / No. Pendaftaran Tapak:

1. Jumlah tindakan yang <u>telah</u> diambil oleh majikan (atas nasihat SHO) untuk mematuhi kehendak perundangan:	<input type="text"/>
2. Jumlah tindakan yang <u>akan</u> diambil oleh majikan (atas nasihat SHO) untuk mematuhi kehendak perundangan:	<input type="text"/>
3. Jumlah <u>cara</u> yang telah diadakan bagi mewujudkan dan mengekalkan keadaan bekerja yang selamat dan sihat:	<input type="text"/>
4. Jumlah <u>amalan baik</u> yang telah dilaksanakan, yang boleh dikongsikan kepada industri:	<input type="text"/>
5. Jumlah pemeriksaan <u>tempat kerja</u> berisiko tinggi yang telah dibuat:	<input type="text"/>
6. Jumlah pemeriksaan <u>loji</u> (jentera, kelengkapan, perkakas, alat, peralatan) berisiko tinggi yang telah dibuat:	<input type="text"/>
7. Jumlah kemalangan: <input type="text"/> Jumlah kemalangan yang telah disiasat: <input type="text"/>	<input type="text"/>
8. Jumlah kemalangan nyaris: <input type="text"/> Jumlah kemalangan nyaris yang telah disiasat: <input type="text"/>	<input type="text"/>
9. Jumlah kejadian berbahaya: <input type="text"/> Jumlah kejadian berbahaya yang telah disiasat: <input type="text"/>	<input type="text"/>
10. Jumlah keracunan pekerjaan: <input type="text"/> Jumlah keracunan pekerjaan yang telah disiasat: <input type="text"/>	<input type="text"/>
11. Jumlah penyakit pekerjaan: <input type="text"/> Jumlah penyakit pekerjaan yang telah disiasat: <input type="text"/>	<input type="text"/>
12. Jumlah mesyuarat <u>JKK</u> yang telah dianjurkan:	<input type="text"/>
13. Jumlah pemeriksaan tempat kerja bersama <u>JKK</u> yang telah dianjurkan:	<input type="text"/>
14. Jumlah pemeriksaan loji bersama <u>JKK</u> yang telah dianjurkan:	<input type="text"/>
15. Jumlah pemeriksaan/audit PPE bersama <u>JKK</u> yang telah dianjurkan:	<input type="text"/>
16. Jumlah syor perubahan yang telah dibuat kepada <u>struktur kerja</u> (penyeliaan, kawalan pentadbiran, masa bekerja) bagi kepentingan KKP:	<input type="text"/>
17. Jumlah syor perubahan yang telah dibuat kepada <u>susun atur tempat kerja</u> (ERP, akses) bagi kepentingan KKP:	<input type="text"/>
18. Jumlah program <u>promosi</u> yang telah dijalankan oleh orang yang diambil kerja oleh majikan untuk menggalakkan KKP: Bilangan peserta: <input type="text"/>	<input type="text"/>
19. Jumlah <u>audit</u> yang telah dijalankan oleh orang yang diambil kerja oleh majikan untuk menggalakkan KKP:	<input type="text"/>
20. Jumlah <u>latihan/kursus/toolbox talk</u> yang telah dijalankan oleh orang yang diambil kerja oleh majikan untuk menggalakkan KKP: Bilangan peserta: <input type="text"/>	<input type="text"/>
21. Jumlah <u>analisis statistik</u> mengenai kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan:	<input type="text"/>
22. Bilangan perbincangan dengan majikan mengenai <u>laporan SHO</u> :	<input type="text"/>
23. Jumlah notis perbaikan (AKKP) yang diterima <input type="text"/> dan dibatalkan <input type="text"/> (Kumulatif dari mula projek)	<input type="text"/>
24. Jumlah notis larangan (AKKP) yang diterima <input type="text"/> dan dibatalkan <input type="text"/> (Kumulatif dari mula projek)	<input type="text"/>
25. Jumlah notis (AKJ) yang diterima <input type="text"/> dan dibatalkan <input type="text"/> (Kumulatif dari mula projek)	<input type="text"/>

PENGAKUAN:

Kami, dengan ini mengaku bahawa butir-butir di atas adalah benar sepanjang pengetahuan kami.

(nama dan tandatangan SHO)

(nama dan tandatangan majikan)

no. kad pengenalan

Penglibatan Industri dalam Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Semua pihak dalam industri pembinaan mestilah terlibat dan berganding bahu dalam menangani isu-isu KKP di projek pembinaan dan membantu JKKP menguatkuasakan perundangan KKP.

SHO diwujudkan oleh AKKP dan Akta ini memberi tanggungjawab yang besar kepadanya dan peranan yang penting dalam memastikan keselamatan dan kesihatan kerja pembinaan terjamin. Tanggungjawab-tanggungjawab SHO dinyatakan dengan jelas di dalam Peraturan-peraturan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan.

Petunjuk Prestasi SHO ini dibuat bagi membantu SHO melaksanakan tanggungjawab perundangan yang telah digariskan oleh undang-undang.

SHO hendaklah mengisi jumlah yang dicapai bagi setiap petunjuk prestasi pada sesuatu bulan, kecuali Jumlah Notis yang diterima (item 23 – 25) hendaklah menunjukkan jumlah keseluruhan notis yang diterima sepanjang tempoh projek itu dijalankan.

Semua rekod pemeriksaan bahaya menggunakan Panduan Pemeriksaan Bahaya yang dikeluarkan oleh Bahagian Keselamatan Tapak Bina, JKKP Ibu Pejabat hendaklah dilampirkan salinannya semasa menghantar petunjuk prestasi ini. Salinan asal Panduan Pemeriksaan Bahaya hendaklah disimpan di tapak pembinaan untuk pemeriksaan Pegawai JKKP.

Sebahagian tugas penting yang perlu dilaksanakan oleh seserang majikan/SHO adalah untuk menjalankan penaksiran risiko atau HIRARC yang mencukupi dan sesuai dengan tempat kerja. Hasil utama HIRARC adalah penyediaan langkah-langkah kawalan risiko (*risk control*). Langkah-langkah kawalan ini hendaklah dilaksanakan sepenuhnya dan diselia dengan baik.

Pegawai JKKP hendaklah menyemak dan merekodkan jumlah ini ke dalam rekod pemantauan statistik KKP industri pembinaan negeri untuk dilaporkan ke BKTB setiap bulan.

Peringatan

Seksyen 12, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 menyatakan bahawa Ketua Pengarah JKKP boleh enggan membaharui pendaftaran seseorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan sekiranya dia tidak menjalankan kewajibannya.